

# KAJIAN PANDANGAN DUNIA ANTIPENJAJAHAN JEPUN DALAM NOVEL- NOVEL TERPILIH BERDASARKAN TEORI STRUKTURALISME GENETIK

KIM Dong Hoon<sup>1</sup>

Hashim ISMAIL<sup>2</sup>

Nurhamizah HASHIM<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

dhkim7876@gmail.com

shim@um.edu.my

aaee@um.edu.my

Received: 2<sup>nd</sup> June 2023

Accepted: 9<sup>th</sup> June 2023

## ABSTRAK

Selepas zaman penjajahan Jepun, muncul novel-novel bersifat antipenjajahan terhadap kekejaman Jepun. Kajian ini berkaitan dengan penghuraian zaman penjajahan Jepun dalam novel terpilih yang mendedahkan gambaran sebenar pada masa itu. Novel-novel yang dikaji, ialah *Sandera*, *Rindu Aroma Padi Bunting*, *Patah Sayap Terbang Jua* dan *Tembok Tidak Tinggi*. Objektif kajian ini bertitik tolak daripada untuk mengenal pasti hubungan genetik antara novel dengan keadaan sosial pada zaman penjajahan Jepun. Kajian ini mempunyai objektif untuk menilai pandangan dunia sebagai respons subjek kolektif daripada novel-novel terpilih. Kajian yang menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks ini, mengaplikasikan pendekatan sosiologi sastera, iaitu kajian pandangan dunia daripada teori strukturalisme genetik. Pandangan dunia merupakan struktur perasaan yang sama dikongsi oleh kelompok tertentu. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa para nasionalis memperjuangkan agenda penentangan terhadap zaman penjajahan Jepun dan pandangan dunia yang menyatakan tindakan-tindakan terhadap zaman penjajahan Jepun. Menerusi kajian ini, gambaran yang sebenar zaman Jepun didedahkan dengan golongan nasionalis dan golongan komunis dengan dua pandangan dunia antaranya, pandangan dunia antipenjajah moderat dan pandangan dunia antipenjajah radikal. Kesimpulannya, golongan antipenjajah memperjuangkan untuk kemerdekaan dan kemakmuran bangsa. Konteks sosial ini menggambarkan struktur empat karya terpilih secara dialektik dan antidialektik. Kajian mendapati bahawa novel dan keadaan sosial saling mempengaruhi secara genetik. Kajian merumuskan bahawa setiap genre sastera mempunyai bentuk estetika tertentu dan pemikiran pengarang dapat menentukan kekuatan sastera Melayu di setiap abad.

**Kata kunci:** zaman penjajahan Jepun; novel zaman penjajahan Jepun; strukturalisme genetik; pandangan dunia antipenjajah

## A STUDY OF THE JAPANESE ANTI COLONIAL WORLDVIEW IN SELECTED NOVELS BASED ON THE THEORY OF GENETIC STRUCTURALISM

### ABSTRACT

After the Japanese colonial period, realism novels that portrayed the cruelty of the Japanese colonial began to appear. This study relates to the depiction of the era of Japanese Occupation in selected novels. The novels are "Sandera, Rindu Aroma Padi Bunting, Patah Sayap Terbang Jua and Tembok Tidak Tinggi". The research problem of this study revolves around identifying the genetic relationship between the novels and the social context of the Japanese Occupation. This study aims to assess worldviews as collective subject responses in the selected novels. Employing literary research and textual analysis methods, this study applies a literary sociology approach, specifically studying worldviews from the perspective of genetic structuralism. Worldview represents a shared emotional structure within specific groups. The analysis that was conducted managed to achieve the objectives of this study. The findings reveal that nationalists fought against the Japanese Occupation, and worldviews served as a unifying force for actions against the Japanese. Through this study, the true portrayal of the Japanese Occupation is exposed through the perspectives of nationalists and communists, with two contrasting worldviews: the moderate anti-colonialism worldview and the radical anti-colonialism worldview. In conclusion, the anti-colonial groups fought for the independence and prosperity of their nation. This social context provides a dialectical and anti-dialectical structure to the four selected works, indicating that novels and social conditions mutually influence each other in a genetic manner. Further research recommendations can be made on the Malay authors' post-war attitude towards novels about colonialism. Such further studies may expand the understanding of modern Malay literary history. Comparative studies can also be carried out between literary works such as wartime poetry and wartime short stories. Each literary genre has its aesthetic form. The attitude of the author who follows the literary genre can also contribute to enriching the study of Malay literature.

**Keywords:** Japanese colonial era; novels on Japanese occupation; genetic structuralism anticolonialism worldview

### Pengenalan

Tugas seniman ialah ibarat membuka rahsia di sebalik kegelapan yang tidak dapat dicapai melalui alat sains dan teknologi (Hashim Ismail, 2007, p.39) Sastera pada zaman penjajahan Jepun boleh dianggap sebagai merampas kekuasaan pengarang kerana sastera dijadikan alat untuk pelaksanaan perang. Arena Wati (1980, p. 12) menekankan bahawa karya pada zaman Jepun ialah sastera propaganda kerana ramai pengarang menjadi alat propaganda semasa pemerintahan Jepun. Tidak ada sebuah novel dapat diterbitkan sepanjang zaman penjajahan Jepun (Jeniri Amir, 2003, p. 45). Gejala-gejala ini telah mendedahkan situasi tidak normal pada masa itu. Setelah kekalahan tentera Jepun di Malaysia, beberapa buah novel yang berprinsipkan realisme menceritakan kekejaman Jepun yang sebenar. Dalam novel-novel itu telah timbul masalah buruh paksa, pencabulan maruah wanita, kekejaman tentera dan keganasan komunis yang menyasarbangsa Melayu. Walau bagaimanapun tidak semua pengarang membicarakan kekejaman Jepun semata-mata. Oleh itu, karya-karya Arena Wati dan A. Samad Ismail yang terpilih dalam makalah ini membicarakan perjuangan tulen dan adil untuk kebebasan bangsa Melayu.

Hakikat ini amat penting kerana kemerdekaan bangsa itu tidak diberi oleh pihak ketiga. Golongan nasionalis mencurahkan jiwa dan semangat untuk mencapai kemerdekaan. Cheah (p.57-58, 2017) menyatakan bahawa terdapat hanya dua buah organisasi politik pada zaman penjajahan Jepun. Organisasi yang pertama ialah Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang bersikap nasionalisme dan organisasi yang kedua ialah *Malayan Communist Party* (MCP) yang berideologikan komunis. Kesatuan Melayu Muda (KMM) memperjuangkan kemerdekaan buat bangsa Melayu dan turut menyokong Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) kerana mempunyai matlamat yang sama namun berfokus kepada

perjuangan bangsa Indonesia. Gagasan Melayu Raya yang mementingkan kemerdekaan Malaysia dan Indonesia menjadi gagasan utama KMM. Sementara itu, gagasan komunisme menjadi doktrin *Malaysian Communist Party* (MCP) atau Bintang Tiga. Kedua-dua gerakan yang berbeza ini mempunyai hubungan koheren dalam novel, iaitu gerakan sosial dan struktur novel yang boleh dianalisis secara genetik kerana mempunyai persamaan struktur dengan persamaan isi. Faktor ini kuat menyokong hakikat bahawa sastera boleh dikaji melalui unsur luaran dan harapan ataupun cita-cita subjek. Perkara ini tidak mewakili harapan individu malah harapan itu mengandungi harapan sosio kelompok yang menghadapi perubahan zaman atau kontradiksi zaman di dalam karya.

### **Sorotan Kajian**

Yoon (1997) membuat kajian pada peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Dong Guk, Seoul, Korea. Kajian tesis bertajuk *Kecenderungan Tertentu Filem Popular Korea 1990-an*. Yoon Jung-min menganalisis salah sebuah kecenderungan dalam filem-filem Korea yang ditayangkan pada tahun 1990-an untuk menghuraikan pandangan dunia romantik pada tahun 1990-an di Korea. Menurut Yoon Jung-min, genre filem boleh mengandung subjek kolektif pada salah sebuah zaman secara tersembunyi. Kaedah-kaedah profileman dan penyampaian cerita secara naratif mampu mengekspresikan pandangan dunia atau hasrat subjek kolektif dan sumber penciptaan pandangan dunia dalam filem yang diakibatkan oleh satu zaman atau sosio kelompok masa yang tertentu. Walaupun beliau menggunakan teori yang sama dengan kajian pengkaji, Yoon Jung-min memilih genre filem untuk mendapat satu gambaran yang utuh mengenai pandangan dunia romantik pada dekad 1920-an.

Seterusnya, Azman Ismail (2001) telah membuat kajian pada peringkat Sarjana yang bertajuk *Teori Strukturalisme Genetik: Penerapan Terhadap Novel-Novel Pramoedya Ananta Teor*. Antara novel Pramoedya ialah *Bukan Pasar Malam* (1951), *Keluarga Gerilya* (1950) dan *Tetralogi Bumi Manusia* yang meliputi empat novel bertajuk *Bumi Manusia* (1980), *Anak Semua Bangsa* (1981), *Jejak Langkah* (1985), dan *Rumah Kaca* (1988). Kajian ini amat penting kerana Azman Ismail membuktikan nilai-nilai kemanusiaan karya Pramoedya. Persoalan-persoalan yang dibincangkan dalam kajian Azman Ismail ini telah mendedahkan erti atau makna terhadap kepentingan kedaulatan bangsa, kemanusiaan dan keadilan untuk kesejahteraan manusia. Kesedaran masyarakat Indonesia memberi cetusan idea untuk penciptaan novel-novel Pramoedya. Walau bagaimanapun, Azman Ismail kurang memberi perhatian terhadap analisis yang menunjukkan hubungan antara struktur novel dan pandangan dunia. Faktor ini merupakan satu daripada perbezaan kajian yang sedang dijalankan.

Kajian bertajuk *Novel-Novel A. Samad Ismail: Satu Analisis Teori Strukturalisme Genetik-Hegemoni* (TSG) (2009) telah mengkaji karya A. Samad Ismail melalui pendekatan TSG dan Teori Hegemoni gagasan Antonio Gramsci. Dalam bab dua, Azhar Wahid memperkenalkan fungsi sastera untuk masyarakat, konsep teori Marx, TSG dan teori Hegemoni untuk mengukuhkan teori. Pemaparan teori lengkap ini merupakan kelebihan kajian Azhar Wahid. Dari aspek kaedah analisis, Azhar Wahid juga menghuraikan konflik atau pertentangan dalam novel. Sekiranya dibandingkan dengan kajian oleh Azman Ismail yang merancang tiga kategori menurut zaman, Azhar Wahid mengikut susunan secara pembahagian golongan sosial. Kriteria yang dianalisis dalam kajian tersebut merangkumi pertentangan konflik kuasa penjajahan, pertentangan tua dan golongan muda dan konflik rakyat dan pemimpin. Konflik-konflik diakibatkan oleh kekuasaan baharu dan kekuasaan lama, seperti penjajahan yang baharu menguasai Malaysia, pemuda yang menentang nilai-nilai lama dan keadaan sejarah atau politik sebenar dalam masa tersebut. Pertentangan dalam karya-karya A. Samad Ismail yang dikaji oleh Azhar Wahid memperlihatkan perubahan sejarah masa perang dan selepas perang di Malaysia.

Perubahan kuat dan cepat dalam zaman ini menjadi tumpuan konflik-konflik dalam novel A. Samad Ismail. Pandangan dunia yang dikaji oleh Azhar Wahid juga merupakan kelebihan kajian ini kerana menurut Goldmann hanya sasterawan besar atau individu hebat yang menciptakan pandangan dunia untuk karya. Azhar Wahid mencadangkan empat pandangan dunia, iaitu pandangan dunia kemerdekaan, pandangan dunia etika kewartawanan, pandangan dunia kepentingan bahasa Melayu dan pandangan dunia perubahan nilai budaya masyarakat Melayu yang menjadi kompas dalam karya-karya A. Samad Ismail. Keempat-empat pandangan dunia ini juga merupakan bukti yang kuat terhadap sumbangan besar A. Samad Ismail untuk masyarakat. Berdasarkan pandangan Azhar Wahid, golongan wartawan atau golongan penulis boleh dinamakan sebagai golongan istimewa yang mengorbankan diri untuk kemerdekaan dan kemakmuran bangsa. Dedikasi yang unggul diwarisi melalui karya A. Samad Ismail. Terdapat persamaan dari segi pemilihan data, iaitu *Tembok Tidak Tinggi* (1967) dan *Patah Sayap Terbang Jua* (1970) dipilih oleh Azhar Wahid untuk dianalisis menunjukkan satu persamaan untuk pemilihan data, iaitu novel kajian.

Walaupun terdapat persamaan dari segi pemilihan novel, Azhar Wahid memberikan tumpuan kepada seorang karyawan untuk mencari pertentangan golongan dan pandangan dunia. Azhar Wahid menyelitkan Teori Hegemoni dalam kajian dan kurang penghuraian untuk mendedahkan struktur dialektik atau antidialektik dalam karya yang mendirikan keutuhan struktur novel *Tembok Tidak Tinggi* (1967) dan *Patah Sayap Terbang Jua* (1970). Unsur ini merupakan perbezaan kajian dan faktor yang kuat mendorong kajian ini memilih dua karya yang sama yang telah dikaji oleh Azhar Wahid. Seterusnya, kajian yang menggunakan prinsip TSG yang bertajuk *Analisis Strukturalisme Genetik dalam Roman Germinal Karya Emile Zola* dikaji oleh Wijayanto. Wijayanto juga menggunakan prinsip sosiologi sastera yang menerangkan hubungan kedua-dua bidang kerana mempunyai entiti yang tersendiri. Kepentingan kajian ini ialah penghuraian terhadap subjek kolektif. Unsur-unsur yang merupakan subjek kolektif dalam novel dipilih selaras dengan prinsip Goldmann. Penggambaran gaya hidup yang berbeza antara kaum Borjuis dan kaum Proletar di dalam novel menciptakan struktur konflik secara tersembunyi. Cara penyampaian novel tidak serupa seperti cara penyampaian surat khabar. Ketidak-samaan dalam novel menimbulkan soal-soal kemanusiaan kepada pembaca sehingga pembaca memperluas pandangan melalui mata subjek kolektif. Wijayanto mendapati bahawa subjek kolektif yang jelas daripada strategi naratif novel Emile Zola.

Perbincangan pandangan dunia dalam novel juga dihuraikan dengan jelas. Naturalisme dan sosialisme yang meliputi karya yang terpilih menjadi prinsip utama yang mendedahkan sikap pengarang sebagai ahli sosial. Sebagai contoh Etienne digambarkan sebagai watak berfahaman sosialis yang memperjuangkan hak-hak keadilan manusia dalam novel *Germinal*. Perjuangan Etienne melambangkan bukan sekadar perjuangan semata-mata oleh perseorangan, sebaliknya perjuangan mengandungi harapan subjek kolektif kelas bawahan. Analisis pandangan dunia Wijayanto juga menggunakan prinsip-prinsip TSG dengan baik dan sistematik serta analisis subjek kolektif yang memperjuangkan kemanusiaan. Kajian ini menunjukkan persamaan dari segi pemilihan genre dan teori. Penghuraian subjek kolektif, struktur karya dan pandangan dunia dalam novel merupakan prinsip utama yang digunakan dalam kajian yang sedang dikaji. Walau bagaimanapun, latar belakang zaman dalam kajian ini merupakan satu daripada perbezaan kajian. Wijayanto lebih fokus terhadap konflik-konflik tempatan semata-mata, iaitu pandangan dunia kaum Proletar di Perancis sebagai pandangan dunia utama dalam novel. Berdasarkan perbezaan kajian Wijayanto, kajian ini pula menganalisis zaman penjajahan Jepun di Malaysia, iaitu penjajahan Jepun di Malaysia melahirkan pandangan dunia berfahaman nasionalisme dan soal kelas atau soal komunisme tidak terpantau walaupun kedua-dua subjek kolektif dalam kajian masing-masing semasa menghadapi ketidakadilan zaman. Kajian ini akan lebih menyeluruh dan mendalam dengan memberi tumpuan terhadap penulis novel di Malaysia yang ceritanya berlatarkan zaman pemerintahan Jepun.

### **Metodologi Kajian**

Teori yang digunakan untuk kajian ini merupakan satu cabang daripada sosiologi sastera. Teori Strukturalisme Genetik (TSG) mementingkan hubungan homologi antara karya dan keadaan sosial. Hubungan genetik ini boleh dikaji berdasarkan tiga prinsip berikut, iaitu fakta kemanusiaan, subjek kolektif dan pandangan dunia.

#### **Fakta Kemanusiaan**

Segala kegiatan dan perlakuan boleh menjadi benda untuk prinsip pertama. Aktiviti verba ataupun fizikal boleh diterima untuk memperluas pemahaman untuk ilmu pengetahuan. Fakta kemanusiaan boleh difahami melalui struktur yang mempunyai erti yang bermakna (Mohamad Mokhtar Hassan, 1995, p.48). Oleh itu, Lucien Goldmann mengkaji karya sastera sebagai satu struktur penting, tetapi struktur tersebut tidak semestinya yang diingini atau disedari oleh penulis. Lucien Goldmann berminat mengkaji fakta-fakta manusia sebagai struktur penting. Tingkah laku manusia terdiri daripada elemen-elemen yang melalui kesedaran dan mempunyai perkaitan dengan kumpulan sosial. Fungsinya adalah untuk meningkatkan hubungan seseorang dengan dunia (Goldmann, 1980, p. 40).

Oleh itu, kajian berkaitan fakta kemanusiaan adalah untuk memahami struktur yang bermakna dalam segala bidang sosiologi. Kajian juga boleh mengambil gambaran struktur yang bererti dan menjelaskan hubungan antara manusia dan dunia. Fakta kemanusiaan bagi kajian ini boleh dikatakan keupayaan dan tindakan tegas bangsa Melayu terhadap zaman Perang Dunia Kedua. Bangsa Melayu dalam novel-novel yang terpilih untuk kajian ini mendorong pembaca menambah baik atau memajukan bangsa. Kajian fakta kemanusiaan dalam novel cukup membantu memperluas pandangan tentang bangsa Melayu pada zaman Jepun. Melalui perjuangan menangani kelemahan pada zaman perang, kajian ini dapat memahami bangsa Melayu dan latar belakangnya secara terperinci.

#### **Subjek Kolektif**

Sebuah karya sastera boleh muncul disebabkan oleh kesedaran dan tindakan tegas untuk perubahan sosial atau sejarah. Perubahan atau perkembangan sosial, politik, ekonomi dan kebudayaan boleh dihuraikan melalui konsep subjek kolektif. Menurut Goldmann (1980), dimensi individu atau perseorangan kurang sesuai menghuraikan gejala sosial. Subjek sebenar yang mengubah zaman tertentu boleh dijelaskan melalui dimensi yang lebih luas daripada individu, iaitu dengan menganalisis transendental dan mengintegrasikannya dengan sains positif. Penggantian subjek individu sebagai subjek kolektif.

Kumpulan sosial dan masyarakat yang merupakan realiti empirikal mencipta watak konkret dunia semula jadi melalui tindakan teknikal, perantaraan tindakan terhadap alam semula jadi, mencipta semua struktur ekonomi, sosial dan politik, struktur psikologi dan kategori mental. Daripada menggunakan analisis yang rumit dan tumpuan kepada individu, kajian ini menggabungkan dengan sains dan meneliti tentang kumpulan secara keseluruhan. Kumpulan sosial dan masyarakat membentuk dunia semula jadi dari segala aspek, seperti ekonomi, politik, psikologi dan pemikiran melalui tindakan (Goldmann, 1971, p.15). Dengan unsur ini, aktiviti nasionalisme seperti watak Wahab dalam novel *Tembok Tidak Tinggi* (1967) lebih sesuai dihuraikan menerusi aktiviti golongan elit muda. Usaha Wahab boleh difahami sebagai tindakan yang tegas untuk memperjuangkan bangsa untuk mencari keseimbangan terhadap ancaman daripada zaman Jepun. Oleh sebab itu, perubahan sejarah lebih sesuai dihuraikan dengan menggunakan konsep subjek kolektif.

## Pandangan Dunia

Menurut Lucien Goldmann, karya sastera bukan sebagai ekspresi diri pengarang. Hal ini kerana pengarang mencerminkan impian-impian sosial kelompok dan menciptakan satu dunia secara keseluruhan dalam novel. Struktur kesedaran berdasarkan tingkah laku sosial (Mohamad Mokhtar Hassan, 1995, p. 48). Goldmann menggunakan konsep pandangan dunia yang dicipta untuk kelompok sosial. Pandangan dunia ialah pemikiran untuk menyatukan kelompok sosial tertentu. Nilai yang dipegang oleh sesuatu kelompok membezakan antara kelompok dengan kelompok yang lain (Lucien Goldmann, 2013, p. 17). Goldmann tidak menafikan kewujudan pencipta sastera, namun menekankan bahawa seniman mewujudkan dunia yang sudah dicipta oleh orang lain (Lucien Goldmann, 1980, p.20). Bagi Lucien Goldmann, pengarang mewujudkan dunia untuk meningkatkan kesedaran suatu kelompok sosial. Oleh itu, kandungan karya ditentukan oleh dimensi masyarakat namun bentuk seni itu ditentukan oleh karyawan itu sendiri. Justeru, konsep pandangan dunia ini merupakan prinsip utama TSG kerana ketiadaan pandangan dunia merupakan struktur karya yang tidak berstruktur. Pandangan dunia ialah sebuah kompas watak utama yang menghadapi konflik dengan dunia dan suasana. Prinsip fakta kemanusiaan dan subjek kolektif digunakan untuk menghuraikan penciptaan struktur dalam novel-novel terpilih. Prinsip pandangan dunia digunakan untuk menghuraikan prinsip penciptaan dunia yang diharapkan oleh pengarang menjadi satu jawapan yang kuat untuk mengatasi ketidakadilan zaman dalam karya.

## Analisis Pandangan Dunia Antipenjajahan

Kedatangan Jepun telah meniup angin baharu untuk kesedaran politik masyarakat Melayu. Menerusi analisis yang dilakukan ke atas novel A. Samad Ismail dan Arena Wati, kajian ini mendapati wujud dua gerakan masyarakat bagi menghadapi zaman penjajahan Jepun. Gerakan pertama ialah gerakan moderat. Golongan yang terlibat dalam gerakan ini telah memperjuangkan kemerdekaan bangsa menurut perspektif masyarakat Melayu. Gerakan golongan ini membela nilai-nilai bangsa Melayu. Golongan moderat ini mencari keharmonian antara subjek dengan dunia secara perlahan-lahan. Aksiologi ini lebih mementingkan kemerdekaan bangsa Melayu, iaitu membina negara untuk bangsa Melayu dan bukannya negara komunis. Seterusnya, gerakan kedua ialah gerakan radikal yang lebih progresif berbanding gerakan moderat. Gerakan radikal juga mementingkan kebebasan manusia, iaitu gerakan gerila oleh Pasukan Bintang Tiga di hutan untuk kemenangan golongan antikapitalisme. Gerakan ini hanya berfokuskan kepada mencapai kebebasan manusia melalui ideologi komunisme semata-mata. Soal agama Islam dan adat-istiadat Melayu tidak lagi menjadi perhatian. Gerakan ekstrem ini menampilkan pemisahan secara keseluruhan dengan perspektif masyarakat Melayu kerana dikuasai oleh gagasan-gagasan Bintang Tiga atau komunisme yang tidak mempedulikan nilai-nilai kemelayuan.

## Analisis Golongan Gerakan Moderat (Nasionalisme)

Gerakan golongan ini seperti yang terdapat dalam novel *Patah Sayap Terbang Jua*, telah diwakili oleh watak Hashim dan Wahab yang merupakan golongan wartawan Melayu atau golongan elit. Wahab dan Hashim bertugas untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu menerusi kerjasama dengan watak Shamsuddin. Meskipun Hashim berhadapan kesukaran kerana kontradiksi akibat kegagalan rencana atau pertengkaran dengan Shamsuddin, Wahab dan Hashim tidak sesekali menggadaikan maruah bangsa kerana jiwanya telah padat dengan perjuangan untuk menuntut kemerdekaan. Misalnya, pertemuan yang terjadi antara Wahab dengan Mas Parjo telah memperbaharui identiti diri Wahab secara dialektik. Bagi Wahab, segala hambatan untuk menghalang perjuangan boleh diatasi kerana dialah yang membuka dunia baharu kepada para wartawan Melayu. Hal ini menjelaskan bahawa terdapat kesedaran diri yang tidak memfokuskan keuntungan diri, sebaliknya bermatlamat kepada kebebasan bangsa, iaitu kemerdekaan Tanah Melayu.

"Kemudian aku jumpa Mas. Mas kenalkan aku pada Bung Shamsuddin dan pada Bung Hashim. Tapi terutama kali sa-sudah berjumpa dengan Mas, dunia aku makin luas. Aku tidak lagi ngeluyur2 macham kau, ka-New World, ka-Kabaret, ka-wayang."

(A. Samad Ismail, 1970, p. 178)

Lumrah bagi sesebuah perjuangan sememangnya memerlukan keberanian yang tinggi. Perjuangan tidak menjaminkekayaan untuk kehidupan seorang pejuang. Diri sendiri perlu sanggup berkorban untuk membela kemanusiaan. Dalam novel ini, ditampilkan menerusi watak Hashim yang berperanan sebagai seorang wartawan. Misalnya, Hashim menjadi pesimis semasa berdialog dengan Pa' Dollah.

"Berapa tahun sudah Pa' Mustaphah kerja surat khabar?" "Tiga empat puluh tahun. Waktu saya bujang2 lagi dia sudah mengarang." "Dan dia ta' ada apa2 sekarang. Harta ta' ada: rumah ta' ada."

(A. Samad Ismail, 1970, p. 188)

Berdasarkan petikan di atas, watak Pa' Mustaphah digambarkan sebagai seorang wartawan yang terkenal dan bertugas di sidang pengarang *Warta Malai*. Sebelum perang bermula lagi, Pa' Mustaphah telah memberikan sumbangan besar dalam bidang kewartawanan. Misalnya, Pa' Mustaphah telah berkhidmat di *Harian Saudara* dan *Berita Semenanjung* sebagai pemimpin dalam kolumn novel. Hakikat tersebut menyebabkan Shamsuddin dan Hashim sendiri pernah bekerjasama dan dibimbing oleh Pa' Mustaphah dalam perjuangan nasionalisme. Tegasnya, watak Pa' Mustaphah mewakili perjuangan masyarakat Melayu menerusi platform kewartawanan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang diberikan selama tempoh lebih 30 tahun sebagai seorang wartawan tidak menjamin kehidupan kemudian hari yang dikelilingi harta atau memiliki rumah sendiri. Nasib yang menimpa Pa' Mustaphah tersebut telah membuatkan Hashim menyedari bahawa dirinya hanyalah menjadi alat untuk pentadbiran pihak Jepun.

"Memang ta' ada untong-nya, fikir-nya. Lebeh baik jadi mata-mata. Menjadi marine polis lagi untong, menjaga tongkang beras yang berulang alek di-Sungai Singapura. Atau bekerja kastam saja. Dia tidak mahu saperti Pa' Mustapha, berpuloh2 tahun menjadi wartawan tetapi sa-telah tua terbaring sahaja di-katil, menghadapi masa depan yang gelap."

(A. Samad Ismail, 1970, p. 189)

Berdasarkan petikan di atas, Pak' Mustapha yang dahulu disegani kerana sumbangannya sebagai wartawan nasionalis. Namun pada hari tuanya beliau hanya terlantar di dalam bilik dan nasibnya tidak terbela. Faktor-faktor tersebut yang menambah rasa kontradiksi dalam diri Hashim. Sebaliknya, watak yang mengampu pihak Jepun seperti Pa' Kadir dan Rahsid pula menikmati kesenangan hidup atas kesengsaraan masyarakat Melayu yang lain.

"Ta' mabok. Sudah pandai minum," Rahsid menjawab bangga." Kau dapat komisen banyak dari Pa' Kadir sekarang? Banyak untong black market ya!" kata Bakhtir ketawa berdekah."

(A. Samad Ismail, 1970, p. 221).

Berbeza dengan Pa' Kadir dan Rahsid, Hashim tidak terpengaruh oleh hambatan hidup pada zamannya. Semangat nasionalis juga semakin berkobar-kobar selepas pulang menziarahi kampung halaman. Perjuangan Hashim adalah untuk menentang kekejaman perang yang didalangi oleh pihak Jepun dan pasukan Bintang Tiga yang telah meragut keharmonian dan ketenteraman hidup di Tanah Melayu, iaitu tanah airnya.

"Di-pekan, mereka tidak bagitu terchepit saperti sekarang. Di-sini, mereka di-ancham oleh orang dalam hutan dan oleh Jepun. Malam, orang hutan datang meminta beras. Siang hari, Jepun pula mengachau, kata Hashim".

(A. Samad Ismail, 1970, p. 249)

Berdasarkan petikan di atas, golongan rakyat biasa yang tidak berdosa telah diseksa oleh pihak Jepun dan Bintang Tiga yang membuatkan Hashim begitu marah kepada pihak Jepun yang sebelumnya menjanjikan kedamaian di Tanah Melayu. Persepsi ini amat penting kerana tidak banyak watak dalam novel pada zaman penjajahan Jepun menyerlahkan jiwa perjuangan untuk mengatasi keadaan kacau-bilau yang berlaku. Hashim juga dilihat tidak lagi terjerumus dengan pandangan dunia diperalatkan selepas menyaksikan keadaan dahsyat yang menimpa kampung halamannya. Hashim kemudian mengambil keputusan untuk melakukan perjuangan bersama Shamsuddin. Oleh itu,, struktur novel *Patah Sayap Terbang Jua* oleh A. Samad Ismail telah dibangunkan secara dialektik. Oleh sebab Hashim dan Wahab sering merasakan ketidakadilan pada zaman tersebut, maka Hashim dan Wahab telah menuju ke rumah Shamsuddin untuk merangka kebebasan buat bangsa.

Selanjutnya, gerakan perjuangan bangsa Melayu juga dapat ditemukan dalam novel *Tembok Tidak Tinggi*. Dari segi perspektif perancangan pengarang, novel tersebut dilihat menyediakan dunia yang baharu untuk masyarakat Melayu. Hal ini dibuktikan menerusi makna kemerdekaan bagi Wahab, iaitu bukan hanya akan memanfaatkan diri dan golongannya sahaja, malah kepada masyarakat Melayu yang lain. Walaupun peristiwa Shamsuddin melarikan diri begitu mengecewakan Wahab kerana cita-cita untuk membangunkan negara merdeka yang berkonsepkan Nusantara atau Indonesia Raya tidak berjaya direalisasikan, namun hal tersebut sama sekali tidak meruntuhkan semangat perjuangan Hashim.

Seterusnya, konsep Indonesia Raya atau Melayu-Nusantara yang menjadi pegangan Hashim tidak meletakkan nilai kemelayuan menjadi lebih rendah berbanding bangsa Melayu Indonesia, meskipun menghormati kepimpinan parti. Justeru, konsep ini sebenarnya mempersiapkan diri untuk membangunkan sebuah negara yang bebas untuk memulihkan kemakmuran.

"Dan sumpah mereka sa-telah selesai kursus: "Bahawa kami bersumpah akan berjuang untuk menegakkan satu bangsa dan satu bahasa di-seluroh nusantara Indonesia Raya". Sumpah mereka kapada chita2, bukan kepada tokoh, bukan kepada pemimpin".

(A. Samad Ismail, 1967, p. 103)

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa, perjuangan rakyat di Indonesia adalah sama dengan yang terjadi di Tanah Melayu, iaitu bertujuan untuk membela keseluruhan bangsa Melayu dan bukannya terhad kepada kaum-kaum tertentu. Peristiwa kemerdekaan Indonesia telah menyemarakkan jiwa nasionalisme masyarakat Melayu. Konsep Nusantara yang dihasratkan oleh watak Shamsuddin juga menjadi impian buat masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu dan Indonesia percaya bahawa kekuatan bangsa Nusantara tidak terletak kepada kemenangan salah satu pihak sahaja, tetapi secara bersama. Peristiwa kemerdekaan Indonesia digambarkan menerusi petikan berikut, iaitu:

"Sekarang surat khabar dan radio penoh dengan berita Indonesia ada sakti. Wa'2 Jawa khabar-nya pakai seher saja Banyak Belanda kena bunoh, Enche' Dollah".

(A. Samad Ismail, 1967, p. 175)

Seterusnya, gerakan perjuangan bersama pihak Indonesia ini berbeza dengan gerakan komunis Bintang Tiga yang berfahaman anti-Tuhan dan rasis. Hal ini dapat dibuktikan menerusi tindakan Mas Parjo yang mendidik Wahab dan rakan-rakannya untuk membela keagungan bangsa Melayu dan agama Islam. Gerakan Indonesia Raya bagi Mas Parjo dapat mencapai kemerdekaan sekiranya berpegang pada perspektif bangsa Melayu.

"Kursus2 politik yang di-sertai-nya di-rumah teman Leman. Mas Parjo dengan tekanan-nya pada kebesaran ugama Islam dan keagongan bangsa Melayu, hingga Wahab bagitu kenal dengan Amir Hamzah, Hamka, Sukarno, Tan Malaka dan Hatta".

(A. Samad Ismail, 1967, p. 103)

Berdasarkan petikan di atas, Mas Parjo telah membangkitkan semangat perjuangan Wahab dan rakan-rakannya menerusi pengisahan tokoh-tokoh pejuang Melayu Indonesia. Perkara tersebut telah menjadi asas kepada perjuangan kemerdekaan Wahab dan rakan-rakan. Walaupun kehidupan Wahab dikelilingi oleh banyak pihak yang bersikap penjara, namun sama sekali tidak membantutkan perjuangan yang telah dirancang untuk dilaksanakan.

"Surat2-nya mengenai tentang soal2 politik kerana di-luar, keadaan politik di-kalangan orang2 Melayu telah mulai bergolak sa-mula. Beberapa orang teman-nya sekarang bergerak memimpin badan2 politik di-Johor, Selangor dan di-merata tempat".

(A. Samad Ismail, 1967, p. 216)

Selain itu, perjuangan masyarakat Melayu yang tidak pernah mengenal erti putus asa telah mewujudkan keharmonian antara subjek dan dunia seperti yang terdapat dalam struktur novel. Tambahan pula, kemenangan pihak Indonesia telah membakar semangat untuk memperoleh kemerdekaan. Pendek kata, pandangan dunia antipenjajah atau pandangan dunia Melayu Nusantara telah menjadi teras utama untuk mendukung watak-watak Melayu seperti yang dinyatakan dalam novel *Tembok Tidak Tinggi* bagi mempertahankan maruah diri dan bangsa. Dalam pada itu, pandangan dunia yang serupa juga amat jelas terpancar menerusi watak Busad di dalam novel *Sandera*. Watak Busad, sama juga seperti watak Wahab yang telah menyedari kepentingan kemerdekaan dan melambangkan kesedaran watak secara dialektik.

"Benar-benar aku hairan. Kenapa orang berjuang sampai sanggup berbuat begitu?" "Memang tanahair amat besar tagihannya kepada setiap orang. Tapi tidak setiap orang yang sanggup membayarannya dengan tunai".

(Arena Wati, 1974, p. 78)

Berdasarkan petikan tersebut, Busad berpendirian bahawa tidak wujud perpecahan antara subjek dan objek. Hal ini kerana, gagasan utama perjuangan Busad adalah memperjuangkan masa depan yang lebih cerah buat pewaris Tanah Melayu. Busad turut mengimpikan kemerdekaan tanah air menerusi penyatuan masyarakat sedikit demi sedikit sehingga akhirnya dapat membebaskan keseluruhan Asia Tenggara daripada belenggu penjajah.

“Menurut pandangan Busad, dari segi pelajaran dan kesadaran rakyat, terlalu jauh ketinggalan, Namun Busad optimis sungguh-sungguh, bahawa di tempat yang begini akan umpainya bibit yang akan tumbuh masa depan. Kalau ini dijumpainya, dia akan pegang, akan gelorakan sebagai individu, dan kelak kemudian hari, dan gabungan individu-individu itu, kalau tiba masanya, akan menggejolak ke langit Merdeka”.

(Arena Wati, 1974, p. 76-77)

Pemikiran ini merupakan gagasan Busad bersama pandangan Melayu-Nusantara.

“Soalnya sekarang, bagi kepentingan Nusantara, terutama kalau perang Pasifik nanti betul-betul pecah, kita mau bangsa Melayu dan bangsa Indonesia padu menjadi satu dalam suatu tindakan nasional, kerana dengan melalui mata rantai penjajahan yang tergunting retas oleh perang Pasifik itu, bangsa Indonesia dan bangsa Melayu akan muncul permukaan dunia merdeka. Nah, jadi bukan soal golong yang kita pandang penting di kalangan bangsa Melayu, tapi bangsa Melayu sebulat-bulatnya”.

(Arena Wati, 1974, p. 88)

Petikan di atas menjelaskan kepentingan bangsa melebihi soal peribadi bagi seorang pejuang. Fikiran Busad ini sememangnya berbeza dengan Andang yang membenci golongan feudal. Bagi Busad, konsep bangsa atau nasionalisme lebih penting daripada konsep pertentangan kelas.

“Sebagai alat strategi, aku lebih percaya pada golongan guru-guru Melayu dan pegawai didikan Inggeris ini. Tapi sebagai tektik untuk mencapai tujuan, Indonesia merdeka dan Tanah Melayu merdeka, kedua golongan ini perlu diperlengkapi, dan mesti dibelokkan sedikit demi sedikit ke arah kesadaran nasional yang benar-benar teguh,” demikian ditegaskan oleh Busad, tapi hal ini tidak dikemukakannya kepada Andang”.

(Arena Wati, 1974, p. 88)

Berdasarkan kutipan tersebut, pandangan Busad sebagai golongan moderat adalah untuk mempertahankan nilai dan sistem pentadbiran bagi menyempurnakan cita-citanya. Dengan perkataan lain, Busad ingin mengharmonikan dunia sedia ada dengan dunia baharu pada masa akan datang. Hal ini menggambarkan gerakan yang lebih dialektik dan tersusun sekiranya dibandingkan dengan gerakan radikal atau revolusi. Golongan gerakan moderat bertujuan untuk kemerdekaan bangsa dan bukan untuk kemenangan pihak komunisme. Sehubungan dengan itu, masyarakat Melayu daripada segenap lapisan masyarakat boleh terlibat dengan gerakan ini untuk bersama-sama menuntut kemerdekaan.

“Aku, dengan rela hati memasuki perjuangan ini, sejak suamiku masih hidup, dan melanjutkannya hingga sekarang. Tujuannya bukan hanya sekadar kemerdekaan bangsa kami, tapi juga kemerdekaan kami itu akan kami isi dengan manusia yang berpekerti baik”.

(Arena Wati, 1974, p. 56)

Di samping itu, terdapat juga watak Mahmud yang telah melakukan usaha membela masyarakat Melayu menerusi penglibatannya dalam Kesatuan Melayu Muda yang beroperasi secara rahsia. Selain itu, Mahmud masih mementingkan peranan Raja-raja Melayu untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

“Tapi bagi Mahmud, dalam negeri-negeri Tanah Melayu, raja masih tetap merupakan alat strategi yang pokok. Untuk itu taktik licin perlu untuk menguasai rakyat yang masih cinta kepada raja mereka”.

(Arena Wati, 1974, p. 150)

Meskipun Mahmud sebenarnya tidak menyokong sistem feudal yang bersifat mutlak, namun kemerdekaan bagi Mahmud tidak boleh diusahakan menerusi tindakan subversif seperti gerakan komunisme. Kemerdekaan sebaliknya harus berasaskan pemikiran rasional.

“Kita mesti rasional menetapkan konsep perjuangan kita”. Bahar mengingat kembali hujah Hakim mahmud”.

(Arena Wati, 1974, p. 46)

Kesimpulannya, Busad dan Mahmud begitu kental berjuang dalam perspektif Melayu, iaitu mewujudkan cita-cita secara moderat. Hal ini telah membentuk struktur novel menjadi dialektik, iaitu zaman penjajahan Jepun dianggap sebagai kesempatan terbaik untuk menyatukan semua lapisan masyarakat Melayu untuk memperoleh kemerdekaan. Tegasnya, golongan ini dinamakan sebagai golongan moderat yang berpandangan dunia antipenjajah.

Selain itu, naratif dalam novel *Rindu Aroma Padi Bunting* turut diwarnai dengan tema nasionalisme yang istimewa. Dalam novel tersebut, Arena Wati mengemukakan kisah gerakan antipenjajah yang ditunjangi oleh keturunan bangsawan Melayu bernama Raja Mahabudin. Struktur novel ini juga adalah secara dialektik, iaitu perjuangan golongan bangsawan bukan untuk kepentingan diri sendiri, sebaliknya mahu membina Kemelayuan Besar.

“Triti London itu yang mengorbankan tanah air bangsa Melayu, tidak hanya terpisah dan berpecah bentuk isi dan makna Kemelayuan Besar, tapi menjadi keping-kepingan kecil, tapi Melayu berkeping-keping kecil itu dihisap, diperah, ditekan, untuk dilenyek oleh pendatang asing”.

(Arena Wati, 2012, p. 141)

Sementara itu, *Hoogere Burger-School* (HBS) telah menyemarakkan semangat nasionalisme Raja Mahabuddin untuk memperjuangkan kemerdekaan bagi masyarakat Indonesia daripada cengkaman Belanda dan masyarakat Melayu daripada jajahan Inggeris. Perjuangan Raja Mahabuddin bukan sekadar untuk mempertahankan suku kaum Jawa atau berpihak kepada komunis, malah perjuangan Raja Mahabuddin bermatlamat untuk memulihkan kemakmuran buat bangsa Melayu setelah menjadi penuntut di sekolah tentera.

“Encik Nurdin tidak sahut. Supir itu juga membisu. Raja Mahabuddin sibuk dengan keriuk dalam hati, ‘Aku dan teman-temanku yang akrab dalam HBS yang datang dari Takalar, Turatea, Maros, dan Gowa, sudah sepakat, tidak akan kahwin sebelum seluruh Hindia Belanda dan British Malaya Merdeka’.

(Arena Wati, 2012, p. 43)

Petikan tersebut menjelaskan latar belakang masa yang digunakan pengarang tidak menggambarkan permulaan zaman penjajahan Jepun secara tepat. Raja-raja atau bangsawan berketurunan Melayu dalam novel didapati telah menyedari tentang kepentingan kemerdekaan sejak sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua lagi. Hal ini penting kerana golongan bangsawan di dalam novel tidak diperanankan sebagai pengampu kepada pihak penjajah untuk kepentingan diri sendiri. Sebaliknya, golongan ini beranggapan bahawa pengalaman perang yang dialami adalah peluang untuk memulihkan negara pada masa akan datang.

"Mereka termenung dengan perasaan campur aduk, kerana mereka sudah yakin, hal begitu akan berlaku. Mereka putera-puteri tanah jajahan, tidak mahu dikorbankan perang, tapi ingin mengalaminya, kerana mereka sudah yakin, dalam perang rebutan tanah jajahan itu, terletak salah satu harapan bahawa rantai penjajah yang membelenggu mereka akan retas, putus dan lebur, dan di atas rantai putus dan lebur itu akan muncul peluang merebut kemerdekaan negara sendiri".

(Arena Wati, 2012, p. 111)

Seterusnya, Raja Burhan (bapa kepada Raja Mahabudin) dan Raja Mahabudin ingin membina negara Melayu Besar untuk generasi yang akan datang agar tidak berpihak kepada hegemoni Jawa atau Komunisme.

Oleh itu, watak-watak yang diciptakan oleh A. Samad Ismail dan Arena Wati menerusi novel-novel terpilih dilihat menanggapi zaman perang yang dialami dengan menumpukan usaha untuk mendapatkan kemerdekaan. Sikap ini telah menstrukturkan penulisan novel secara dialektik. Misalnya, Raja Mahabuddin dikatakan telah melakukan penentangan ke atas Belanda secara aktif.

"Sebelum tinggalkan Turatea, Mayang, Raja Nasrun; Darusi, dan Karaeng Inang; sudah maklum secara muktamad bahawa Operasi Belalang itu anjuran bersama De Falken Van Celebes dengan De Jongeren Bloet Van Celebes. Sumber belalang dan tenaga manusia pada tangan Raja Mahabuddin".

(Arena Wati, 2012, p. 142)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa watak-watak bangsawan dalam novel A. Samad Ismail dan Arena Wati tidak memberikan sokongan terhadap pentadbiran Jepun meskipun pengarang boleh bertindak untuk menjaga keselamatan dan kedudukan yang dimiliki. Oleh itu, pengarang boleh digolongkan sebagai pejuang moderat yang sanggup mengorbankan jiwa demi kemerdekaan bangsa.

### **Analisis Golongan Gerakan Radikal (Komunisme)**

Dalam pada itu, golongan radikal pula memperlihatkan pemisahan ekstrinsik antara subjek dan dunia dalam novel. Hal ini kerana, golongan radikal tidak memperakui segala nilai yang dimiliki oleh bangsa Melayu dan hanya menumpukan perhatian terhadap perjuangan antifeudalisme atau prokomunisme. Misalnya, dalam novel *Patah Sayap Terbang Jua*, golongan ini didapati telah menghuru-harakan suasana tenang di kampung Melayu. Pasukan Bintang Tiga telah melakukan sabotaj secara kejam dan menindas penduduk kampung. Hal tersebut sama sekali tidak boleh dianggap sebagai mewakili masyarakat Melayu beragama Islam yang mempunyai rasa ihsan kepada sesama makhluk.

"Itu Bintang Tiga punya kerja-lah. Itu rail dia kasi angkat. Coach belakang habis keluar," kata-nya lagi.

(Arena Wati, 1970, p. 261)

Berdasarkan petikan di atas, tindakan mensabotaj jalan kereta api yang didalangi oleh golongan radikal adalah tidak wajar kerana mendatangkan kesusahan dan kerugian kepada pelbagai pihak. Hal ini berlaku sebaliknya dalam novel *Sandera*, kerana perjuangan Busad dan Mahmud yang mementingkan tindakan rasional. Bagi pandangan Busad dan Mahmud, setiap golongan masyarakat boleh memainkan peranan untuk mencapai kemerdekaan. Selain itu, meskipun Andang turut memiliki perasaan antipenjajah, namun hanya golongan ekstrem dan radikal sahaja yang dilihat menjadi tokoh utama bagi menentang Inggeris.

"Andang juga percaya kepada mereka ini, terutama adanya satu golongan yang ekstrim dari kalangan mereka. Menurut pendapat Andang, dan ini juga kesimpulan Busad kemudian, golongan yang ekstrim ini belum ada programma politiknya yang pasti".

(Arena Wati, 1974, p. 86)

Golongan antipenjajah atau radikal ini tidak dapat digolongkan kepada satu golongan khusus dalam sistem masyarakat seperti golongan antipenjajah moderat. Golongan ini tidak mementingkan kedudukan yang tinggi atau rendah. Sebaliknya, lebih menumpukan usaha-usaha untuk memusnahkan sistem feudalisme. Selain itu, golongan ini juga tidak menyedari bahawa kedatangan Jepun sebenarnya memberikan peluang politik bagi pemimpin Melayu untuk membela nasib bangsanya sendiri.

"Politik Jepun bukan digerakkan oleh kaum politisi yang dapat menghargai dan memperhitungkan partai politik anak negeri yang didudukinya. Tetapi politik mereka jelas dikehendaki oleh kekuasaan jeneral-jeneral yang dituggangi oleh nafsu kaum kapitalis mereka".

(Arena Wati, 1974, p. 118-119)

Penolakan secara langsung Andang terhadap sistem atau struktur sosial sedia ada yang diwujudkan oleh pihak Jepun telah mencetuskan dogmatisme baru. Selain Andang, watak Sapiah juga telah terlibat dalam gerakan radikal dan digambarkan telah kehilangan nilai-nilai kemanusiaan. Hal ini dibuktikan apabila Sapiah sanggup bertindak membunuh zuriatnya sendiri akibat berdendam terhadap suaminya yang tidak berani mempertahankan maruah diri Sapiah sebagai isteri dan menyerahkannya kepada pihak penjajah.

"Jadi apa?" Gani bertanya kembali. Zahid meradang dibuatnya. "Orang lain datang hendak mengambil anak itu. Tapi Sapiah mengancam mereka dengan pistol. Apa katanya? kata, bukan urusan kamu semua. Ini urusanku. Lalu ditangkapnya kedua belah kaki anak lelaki yang tak berdosa itu. Dan dipusing-pusingkannya di udara seperti tadi juga, dan berjalan mendekati batu besar". "Dia apakan?" Zahid tegak dari duduknya, dan kian "Dia apakan? Katamu? Dia hempaskan kepala anak itu pada batu besar, dan memekik; nah, ini penyudahnya. Buat apa menyimpan anak dari benih lelaki yang pengecut?"

(Arena Wati, 1974, p. 259)

Pengarang Arena Wati menggambarkan watak Sapiah sebagai seorang wanita yang gigih dan berani menentang penjajah. Walau bagaimanapun, ideologi tanpa kemanusiaan yang menjadi pegangan golongan radikal semakin menjaskan pemikiran sehingga sanggup membunuh anak kandung sendiri untuk membala dendam terhadap suami. Selain itu, keadaan Anwar yang menderita penyakit di dalam hutan tidak dapat diterima oleh Sapiah kerana ideologi golongan radikal harus menguasai bumi untuk kebebasan manusia. Oleh itu, kekuatan fizikal ahli juga penting bagi kumpulan ini untuk bertindak dengan baik dan lancar. Sapiah tetap tergolong sebagai pejuang tanah air kerana kegiatan yang dilakukannya bertujuan untuk membebaskan masyarakat Melayu daripada cengkaman penjajah.

"Kenapa Sapiah turut berontak?" "Sudah kukatakan, itu kerana cintanya kepada negara Tanah Melayu". "Dia melawan," kata Gani tegas. "Betul, dia melawan. Tapi melawan siapa? Dia melawan kekuasaan yang wujud sekarang. Tapi kekuasaan yang wujud sekarang siapa? Itu bukan kekuasaan negara Tanah Melayu. Itu kekuasaan pemerintahan penjajah. Itu yang dilawan Sapiah".

(Arena Wati, 1974, p. 261)

Selanjutnya, walaupun Sapiah dan golongan radikal dilihat mempunyai sisi perjuangan untuk membela masyarakat, namun konsep negara atau pemerintah yang digarap komunis tidak jelas pada pandangan masyarakat Melayu yang lain seperti Zahid dan Gani. Zahid dan Gani sebaliknya memelihara takrif Melayu untuk memperjuangkan kemerdekaan berdasarkan asas kepercayaan kepada Tuhan, iaitu ketakwaan kepada Allah SWT.

“Ertinya, dalam negara yang merdeka itu, kita akan bentuk pemerintahan. Tapi itu pemerintahan saja. Kalau Sapiah tentang lagi dasar pemerintahan kita kelak, pasti dia tidak akan bekerjasama dengan kita”

(Arena Wati, 1974, p. 262)

Berdasarkan petikan tersebut, golongan radikal dikenali sebagai gerakan yang menentang penjajahan untuk kebebasan manusia. Walau bagaimanapun, dogmatisme pihak komunis yang menghilangkan sifat-sifat kemanusiaan dan penafian kepada sistem kerajaan sedia ada telah mendatangkan suasana tidak mesra terhadap pandangan masyarakat Melayu dalam novel.

Dalam pada itu, dalam novel *Rindu Aroma Padi Bunting* juga, pengarang memperlihatkan ancaman komunisme kepada dunia Melayu. Bintang Tiga atau dikenali sebagai komunis pada zaman penjajahan Jepun yang ingin mempergunakan masyarakat Melayu untuk agenda perjuangan. Golongan radikal tidak mempedulikan nilai-nilai kemanusiaan walaupun komunis ingin membuka dunia baharu untuk manusia.

“Raja Khalidah berasa ngeri, kerana dia kenang kembali kekejaman orang Bintang Tiga, Ketika itu mereka keluar dari hutan rimba, setalah Nippon kalah dalam perang. Mereka itu, komunis dalam Bintang Tiga tangkap dan bunuh orang Melayu di setara negeri”.

(Arena Wati, 2012, p. 439)

Berdasarkan petikan tersebut, dogmatisme pihak komunis yang dikatakan tidak berlandaskan perspektif Melayu dan asas-asas kemanusiaan telah menimbulkan pemutus secara keseluruhan bagi memelihara keharmonian bangsa. Pendek kata, perjuangan golongan radikal bertujuan untuk menuntut kebebasan kelas dan menafikan golongan sosial yang lain kecuali golongan proletar untuk mencapai kemerdekaan atau kebebasan buat manusia.

## Kesimpulan

Analisis memperlihatkan bahawa gerakan moderat berjuang untuk memelihara dan membela hak-hak Melayu serta mengiktiraf agama Islam sebagai nilai “manusia untuk kemanusiaan” bagi masyarakat Melayu. Misalnya, dalam novel *Patah Sayap Terbang Jua, Di Hadapan Pulau, Sandera* dan *Rindu Aroma Padi Bunting*. Watak-wataknya telah menanggapi zaman Jepun sebagai faktor pemangkin kemerdekaan bangsa, seperti watak Wahab, Hashim, Busad dan Mahmud. Watak-watak ini tidak menerima nasib buruk seperti watak-watak dalam karya A. Samad Said dan tidak juga digambarkan terpaksa melarikan diri ke dalam hutan untuk membina dunia komunis. Hasil analisis juga mendapati golongan moderat mampu memulihkan perpecahan pada zaman penjajahan Jepun. Sebagai contoh, pertemuan yang terjadi antara Mas Parjo dan Wahab telah mencetuskan struktur dialektik kerana watak Wahab mengalami perkembangan dari segi perspektif dunia. Titik-titik perkembangan di dalam novel telah berlaku secara dialektik. Naratif berkaitan perjuangan memperoleh kemerdekaan Tanah Melayu telah menjadi tumpuan kukuh dalam struktur novel berbentuk dialektik. Watak-watak dalam novel tersebut dikatakan telah melakukan penentangan ke atas tentera Jepun akibat ketidakadilan terhadap masyarakat Melayu. Namun begitu, golongan radikal tidak begitu disenangi oleh masyarakat Melayu. Hal ini kerana tujuan perjuangan mereka bukanlah untuk membina negara kemakmuran Melayu, sebaliknya membina negara berasaskan kekuasaan komunisme. Oleh itu, gerakan radikal telah menjadi cabaran hebat buat masyarakat Melayu untuk mempertahankan hak dan kepentingan Melayu sahaja. Pelbagai tindakan sabotaj yang dilakukan oleh pihak komunis dianggap sebagai kelakuan pengganas. Catatan-catatan dalam novel zaman penjajahan Jepun mencerminkan jeritan pengarang untuk generasi akan datang supaya keserakahatan realiti lalu tidak berulang. Mimpi pahit dan murni pengarang telah mencipta satu dunia kepada pembaca dan pembaca dapat memahami dunia yang sebenar dalam estetika karya sastera.

## Rujukan

- A. Samad Ismail. (1970). *Patah sayap terbang jua*. Setia Murni.
- A. Samad Ismail. (1967). *Tembok tidak tinggi*. Pustaka Melayu Baru.
- Arena Wati. (1980). *Cerpen zaman Jepun*. Pustaka Antara.
- Arena Wati. (1974). *Sandera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arena Wati. (2012). *Rindu aroma padi bunting*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ismail. (2001). *Teori strukturalisme genetik: Penerapan terhadap novel-novel Pramoedya Ananta Toer*. [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Azhar Wahid. (2009). *Novel-novel A. Samad Ismail: Satu analisis teori strukturalisme genetik-hegemoni*. [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Cheah, B. K. (2017). *Red Star over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese Occupation, 1941-1946*. NUS press.
- Goldmann, L. (2013). *The hidden god. A study of tragic vision in the Pensées of Pascal and the tragedies of Racine*. Humanities Press.
- Goldmann, L. (1971). *Immanuel Kant*. Verso Books.
- Goldmann, L. (1980). *Essays on method in the sociology of literature*. Telos Press.
- Hashim Ismail. (2007). *Sejarah penulisan novel di Malaysia: Isu dan cabaran*. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 25-40.
- Jeniri Amir. (2003). *Politik dalam novel*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (1995). *Sosiologi sastera: Teori dan aplikasi*. Aneka Publishing.
- Wijayanto, A. (2012). *Analisis strukturalisme genetik dalam roman Germinal karya Emile Zola*. [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universitas Negeri Semarang, Indonesia.
- Yoon, J. M. (1997). *Kecenderungan tertentu filem Korea dekad 1990-an*. Tesis [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Dong Guk, Seoul, Korea.